

# Perkahwinan pembakar semangat untuk terus cemerlang

Dari muka 1

Bagi graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Alif Fitri Abdul Halim, perkahwinan adalah pembakar semangat kepada dirinya untuk terus berjaya dalam akademik.

Semuanya diterjemahkan melalui usaha keras dalam menuntut ilmu sehingga beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Naib Canselor sempena Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-47, baru-baru ini, sekali gus mengubah persepsi sesetengah pihak yang beranggapan beliau tidak akan menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik kerana sudah berkahwin.

Katanya, perkahwinan akan menjadi pembakar semangat sekiranya mahasiswa sudah merancang dengan teliti mengenai hala tuju selepas mendirikan rumah tangga tetapi sekiranya keputusan yang dibuat itu atas dasar mengikut trend atau mahukan populari-

ti tanpa perancangan rapi, ia akan menjadi beban di kemudian hari.

"Dalam konteks saya, isteri juga menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Multimedia sekali gus membolehkan untuk kami sama-sama mengulang kaji pelajaran dan bertukar pandangan mengenai bidang pengajian masing-masing.

"Meskipun terpaksa berjauhan daripada isteri, ia bukan alasan untuk saya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai suami termasuklah memberikan nafkah menyebabkan saya mengambil inisiatif membuat kerja sambilan bagi mendapatkan pendapatan sampingan," katanya.

Sepanjang menuntut di UKM, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam itu tidak pernah menjadikan ikatan perkahwinan sebagai halangan untuk bergiat aktif dalam pelbagai kegiatan kokurikulum dengan menjadi



Muhammad Alif Fitri Abdul Halim



Dr Ahmad Ilyas Rushdan

Pengaruh Program Jejak Warisan Pemikiran Buya HAMKA di Padang, Indonesia dan Ketua Lajnah Penerbitan Kelab Mahasiswa Pengajian Arab dan Tamadun Islam (NAHDAH) selama dua penggal.

Anak muda yang dilahirkan di Teluk Intan, Perak itu juga turut menganggotai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Belia Grup Penjejak Tamadun Dunia dan menjadi sukarelawan dalam beberapa program khidmat sosial seperti sukarelawan Global Peace Mission Malaysia ke Pulau Siberut, Mentawai, Indonesia.

Sementara itu, graduan doktor falsafah (PhD) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Ilyas Rushdan yang mendirikan rumah tangga ketika masih dalam pengajian di peringkat ijazah sarjana muda turut sependapat bahawa perkahwinan itu adalah pembakar semangat bagi dirinya dan isteri.

Beliau yang menerima Pingat Emas MVP Doktor Falsafah pada Majlis Konvokesyen UPM

ke-43 baru-baru ini, berpendapat ikatan perkahwinan akan menjadikan mahasiswa lebih fokus dalam mencapai matlamat hidup, namun ia perlu disulami dengan ilmu rumah tangga dan pengetahuan agama yang mantap.

Katanya, keputusan untuk meneruskan pengajian ke peringkat PhD bagi dirinya dan sarjana bagi isterinya, Siti Nur Atikah Mahamud, dibuat kerana minat yang mendalam terhadap bidang penyelidikan.

"Meskipun sudah mempunyai dua cahaya mata, kami tetap untuk meneruskan minat ini walaupun berdepan pelbagai cabaran, termasuk aspek kewangan yang tidak kukuh dan masalah menguruskan masa dengan bijak.

"Bagi menampung kehidupan dan kos pengajian di UPM, kami berniaga produk makanan seperti cheesekut, chocobar dan ayam crispy dan pada masa yang sama, kami juga berkerja sebagai pembantu penyelidik kepada penyelia masing-masing," katanya.